



**MAKSAR SARAWAK**  
**MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA**  
**KERAJAAN NEGERI SARAWAK**  
(Sarawak Government Services Welfare & Recreational Council)

**Penaung:** TYT Yang DiPertua Negeri  
:YAB Ketua Menteri Sarawak  
**Yang DiPertua:** Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak  
**Pejabat Yang Didaftar:** Pejabat Ketua Menteri, Kuching

**Alamat Urusetia:**  
Ibu Pejabat MAKSAR Sarawak  
35 Jalan Ridgeway, 93200 Kuching  
**Tel:** 082-245870/**Fax:** 082-257755

**Bil. Kami:** MAKSAR/SN/17

**Tarikh:** 12 Januari 2010

Sila Lihat Senarai Agihan.

Tuan/Puan,

**LARIAN KESIHATAN MAKSAR SARAWAK**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa MAKSAR Sarawak bersama Jabatan Tanah & Survei Sarawak (Kelab LANDAS) akan menganjur larian tersebut pada **30 Januari 2010 (Sabtu)** mulai jam 6.30 pagi bertempat permulaan dan penghabisan di Perkarangan Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

2. Tujuan larian ini adalah untuk menggalakkan kakitangan Perkhidmatan Awam bergiat dalam kegiatan-kegiatan kecergasan dan rekreasi dan juga bagi mendokong hasrat Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang sihat, berwawasan dan aktif melalui peningkatan tahap fizikal, mental, kerohanian dan perwatakan.

3. Untuk menjayakan larian tersebut, pihak MAKSAR Sarawak merasa bangga sekiranya semua jabatan dapat menghantar peserta masing-masing seramai yang mungkin untuk menyertai larian tersebut. Disertakan bersama-sama ini peta larian, borang penyertaan dan aturcara larian untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

4. Sila kembalikan borang penyertaan di Lampiran B yang telah lengkap diisi kepada Urusetia MAKSAR Sarawak melalui faks: 082-257755 selewat-lewatnya **sebelum atau pada 22 Januari 2010 (Jumaat)**. Salinan terhadap borang penyertaan boleh dibuat sekiranya tidak mencukupi.

Kerjasama serta sokongan tuan/puan sangat-sangat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

**'BADAN SIHAT, MENTAL CERGAS, PRODUKTIVITI MENINGKAT'**

Yang benar,

**(SAFIEE BIN HAJI AHMAD)**  
Setiausaha Kehormat  
MAKSAR Sarawak

s.k. YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Merangkap Yang DiPertua MAKSAR Sarawak

YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha  
Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia (JKM) Merangkap Pengerusi JK Sukan & Rekreasi MAKSAR Sarawak

YBhg. Datu Sudarsono Osman  
Pengarah Jabatan Tanah & Survei Sarawak Merangkap Pengerusi Pengelola